



Zulhijah dan Pengorbanan

► Mohd. Kamel Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Kehebatan dan kemuliaan Zulhijah terletak pada tiga perkara, iaitu ibadat haji, Aidiladha dan sembelihan korban. Hal ini menjadikan Zulhijah lebih agung berbanding dengan Syawal. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Hari Arafah (untuk yang mengerjakan haji), hari korban dan hari-hari tasyriq adalah hari raya kita orang Islam, hari-hari tersebut hari makan dan minum." (Hadis riwayat Ahmad). Semua lambang kemuliaan ini disimpulkan dalam satu ungkapan, iaitu "pengorbanan" yang menjadi tagihan kepada mereka yang berusaha sebagai azimat pembakar semangat untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap bidang yang diceburi.

Ibadat haji - Pengorbanan harta dan masa

Ibadat haji dianggap sebagai pelengkap rukun Islam, dan suatu ibadat yang istimewa kerana dilakukan dalam bentuk lisan, fizikal dan harta oleh setiap umat Islam yang berkemampuan. Ibadat haji memerlukan pengorbanan yang bukan sedikit, tetapi melibatkan tenaga, masa, harta, ujian berpisah dan berjauhan dengan keluarga, meninggalkan rumah kediaman yang disayangi, dan menahan kemahuan nafsu dalam rutin pelaksanaan ritual haji. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya, antaranya) Makam Nabi Ibrahim. Sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia, dan Allah mewajibkan manusia

mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepada-Nya. Sesiapa yang kufur (ingkar akan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk.” (*Surah Ali ‘Imran* 3:97).

Seseorang yang ingin melaksanakan ibadat haji mesti mengorbankan masanya untuk mempelajari ilmu yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadat ini. Amat tidak wajar jika hanya bergantung pada bimbingan para mutawif tanpa menekuni apa-apa yang terkandung dalam pelaksanaan ibadat tersebut. Kedapatan ramai yang bersungguh-sungguh berulang-alik dari hotel ke Masjidilharam, tetapi selepas pulang ke tanah air, masjid dan surau yang berhampiran dengan rumah kediaman jarang-jarang dijejak. Inilah antara bukti kejahilan masyarakat yang tidak rajin belajar, kurang rasa semangat berkorban mencari ilmu, tetapi ibadat dilakukan secara ikut-ikutan sahaja.

Kisah korban dan pengorbanan

Kisah Nabi Ibrahim dan keluarga baginda dianggap sebagai satu contoh teladan sepanjang zaman yang membuktikan bahawa natijah kepada pengorbanan dalam mentaati Allah mendapat manfaat sama ada bagi diri mereka yang berkorban ataupun orang lain. Hal tersebut menuntut sifat ikhlas untuk melaksanakannya kerana pengorbanan yang dilakukan itu berkaitan dengan sesuatu yang paling disayangi dan dicintai. Ungkapan “berkorban apa-apa

sahaja, harta ataupun nyawa” telah dijemakan pelaksanaannya oleh Nabi Ibrahim, Siti Hajar dan Nabi Ismail. Satu bentuk pengorbanan agung yang tidak terjangkau oleh pemikiran manusia biasa, tetapi demi dan kerana Allah, hal tersebut sanggup dilaksanakan.

Cuba hayati dialog antara Siti Hajar dengan suaminya ketika

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa daripada kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berusaha supaya baik amalnya.” (*Surah al-Hajj* 22:37).

beliau mengikut Nabi Ibrahim sambil menggendong anak kecilnya, Ismail ke bumi tandus kering kontang tidak berpenghuni. “Wahai Ibrahim, engkau hendak pergi ke mana? Adakah engkau hendak pergi meninggalkan kami sementara di lembah ini, tidak ada seorang pun manusia dan tidak ada makanan sama sekali?” Pertanyaan ini diulang beberapa kali, namun tiada jawapan sehingga akhirnya Siti Hajar berkata, “Adakah Allah memerintahkan hal ini kepadamu? Lantas Nabi Ibrahim mengiyakannya. Siti Hajar kemudian berkata, “Jika demikian, Allah tidak akan mensia-siakan kami.” Setelah itu, Siti Hajar tidak bertanya lagi.

Perjuangan yang menjadi iktibar sepanjang zaman ini tidak terhenti setakat itu sahaja. Kisah pengorbanan ini dirakamkan

oleh Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud, “Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa dia akan beroleh seorang anak yang penyabar. Maka itu, ketika anaknya sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: ‘Wahai anak kesayanganku,

sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah pendapatmu.’ Anaknyanya menjawab: ‘Wahai ayah, jalankanlah apa-apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku daripada orang yang sabar.” (*Surah al-Saffat* 37:101-102).

Bayangkan betapa anehnya pemikiran hamba yang meletakkan Allah SWT pada kedudukan utama mengatasi segala-galanya. Peristiwa ini sebenarnya amat besar hikmahnya sehingga diabadikan dalam lipatan sejarah sepanjang zaman. Iktibarnya bukan pada zat atau benda yang dilihat secara fizikal, tetapi falsafah di sebalik ketaatan dan pengorbanan itu yang ingin ditunjukkan oleh Allah SWT. Keikhlasan itu akhirnya digantikan dengan seekor kibas yang *ibrah* pelaksanaannya

bukan hanya ketika itu, tetapi kekal sunahnya hingga zaman sekarang. Lantaran itu juga ibadat korban ini diberikan ruang masa yang lebih lama untuk dilaksanakan bermula pada hari pertama Aidiladha dan diteruskan pada hari tasyrik, iaitu pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijah bagi memberikan ruang kepada umat Islam untuk berkorban harta yang dianugerahkan Allah kepada mereka.

Impak daripada dua kisah pengorbanan ini menjadi mercu tanda terhadap kegemilangan tamadun Islam yang lokasi awalnya bermula di bumi tandus kering kontang tidak berpenghuni, tetapi mula mencipta sejarah dengan kewujudan Kaabah, Baitullah, telaga zam-zam dan padang Arafah. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian daripada zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak ada tanaman padanya, di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian daripada manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ) dan kurniakanlah rezeki kepada mereka daripada pelbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur." (*Surah Ibrahim* 14:37).

Daripada kisah keluarga Nabi Ibrahim ini, kita dapat mempelajari berkenaan dengan nilai takwa, ikhlas dan yakin dalam hidup.

Kita diajar juga untuk percaya dan yakin dengan pertolongan Allah SWT. Bukan hanya khusus dalam pelaksanaan ibadat korban semata-mata, tetapi semangat keluarga ini menjadi contoh terbaik dalam menilai erti kasih sayang dan pengorbanan. Hal ini amat bertepatan dengan prinsip dan ajaran al-Quran melalui firman Allah SWT yang bermaksud, "Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa daripada kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berusaha supaya baik amalnya." (*Surah al-Hajj* 22:37). Hal ini menunjukkan bahawa penerimaan amalan di sisi Allah hanya merujuk indikator ikhlas yang melahirkan nilai takwa sebagai sah atau tertolaknya sesuatu ibadat.

Kisah pengorbanan Rasulullah SAW

Nabi Muhammad merupakan keturunan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Salasilah yang sama ini menggambarkan hubungan yang erat antara kedua-duanya sehingga ketika mengucapkan dua kalimat syahadat dan selawat kepada Rasulullah SAW dalam tahiyat akhir, kita juga mengucapkan selawat kepada Nabi Ibrahim. Sudah pasti rahsiannya amat besar di sisi Allah

SWT kerana tiada bacaan selawat kepada nabi yang lain, tetapi hanya dikhususkan kepada Nabi Ibrahim dan ahli keluarga baginda.

Antara bentuk pengorbanan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW termasuklah dalam peristiwa hijrah. Penghijrahan dari Makkah, tempat lahir dan tumpah darah Baginda bukan suatu perkara yang mudah, tetapi demi Allah tugas tersebut wajib dilaksanakan. Begitu juga dalam peristiwa Penjanjian Hudaibiyah, banyak syarat yang diletakkan oleh pihak Quraisy Makkah dilihat seolah-olah berat sebelah. Dalam perjanjian tersebut, banyak perkara yang dipersetujui oleh Rasulullah SAW, tetapi tidak disetujui oleh kebanyakan para sahabat. Rasulullah SAW dan para sahabat telah memperlihatkan semangat pengorbanan yang tinggi walaupun diibarat hanya selangkah untuk memasuki bumi Makkah, tetapi pulang semula ke Madinah bagi melaksanakan syarat perjanjian tersebut. Sikap Rasulullah SAW ini sebenarnya memberikan kesan keuntungan untuk jangka masa panjang. Mengalah bukan bererti tewas, bahkan digantikan oleh Allah SWT dengan kemenangan yang lebih besar, antaranya termasuklah peristiwa Pembukaan Kota Makkah dan pengislaman beberapa nama besar seperti Abu Sufian, Khalid al-Walid dan Amru bin al-As.

Dengan kejayaan itu, berlakulah pembukaan kota Makkah yang menyebabkan Islam berjaya memerintah Makkah dan mengeluarkan segala patung berhala yang berada di sekeliling Kaabah ketika itu.

Kemenangan ini dirakamkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud, "Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah). Engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai. Maka itu, ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadanya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat." (*Surah al-Nasr* 110:1-3). Kesabaran dan pengorbanan akan digantikan oleh Allah dengan suatu manfaat yang lebih besar.

Kesinambungan tarbiah pengorbanan Rasulullah SAW ini bersifat sepanjang zaman. Para sahabat Baginda berjihad dan berkorban bagi merealisasikan mesej Islam tersebar di serata dunia. Abu Ayyub al-Ansari melebarkan risalah Islam hingga ke Turki, Saad bin Abi Waqqas memperkenalkan nilai murni Islam hingga ke Tanah Besar China, dan Tariq bin Ziyad melebarkan cahaya Islam hingga ke benua Eropah. Mereka tidak pernah berkira dalam mengorbankan harta benda dan jiwa raga. Sepanyol contohnya pernah menjadi satu daripada tamadun Islam yang hebat dan mencapai puncaknya ketika zaman Kerajaan Bani Ummaiyah pada abad ke-10. Penganut Kristian dan Yahudi yang tinggal di Sepanyol pada waktu ini tidak menghadapi sekatan dan dilayan dengan amat baik. Selama hampir lebih 700 tahun, bumi Sepanyol atau Andalusia ditadbir dengan baik oleh umat Islam. Pengorbanan yang dirintis oleh generasi sahabat menyebabkan



Penderitaan umat Islam di negara yang tertindas memerlukan daya juang dan pengorbanan yang tinggi.

Islam tersebar hingga ke seluruh pelusuk alam. Malah, Malaysia adalah antara negara yang mendapat kesan hasil perjuangan para pejuang Islam.

Perjuangan Islam di Malaysia hasil pengorbanan para pejuang

Tidak kira dari jalan mana Islam itu sampai ke Tanah Melayu, sama ada dari jalur Arab, mahupun India atau Gujerat, Parsi ataupun China, Islam telah lama menjadi dasar dan tapak pemerintahan Islam. Kedatangan Islam ini pastinya berlaku hasil daripada pengorbanan para pendakwah yang mempunyai semangat juang yang tinggi untuk memartabatkan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. Dengan kehadiran para ulama seperti Makhdum Syed Abdul Aziz sewaktu kegemilangan Melaka, majlis ilmu terus berkembang bukan sekadar kepada orang awam, tetapi menjengah masuk ke dalam hati para sultan dan pembesar negeri.

Maka itu, tidak hairanlah Islam seolah-olah dianggap sebagai agama rasmi bagi kerajaan dan negara ketika itu.

Kesinambungannya terserlah sehingga Islam dijadikan sebagai agama bagi Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Semua ini terserlah hasil daripada perjuangan, titisan keringat dan pengorbanan yang tidak pernah luntur dalam hati sanubari para pejuang Islam.

Kedudukan Islam ini dilihat berada pada tahap terbaik di Malaysia, berbanding dengan perjuangan umat Islam di luar yang pastinya memerlukan semangat pergorbanan yang lebih tinggi. Saudara Islam kita di Palestin masih bergelut untuk memerdekakan negara daripada cengkaman perampas zionis, Syria masih belum tenang dan aman, Afghanistan terus dianaktirikan dalam usaha membentuk negara sendiri yang bebas dan berdemokrasi, dan anak-anak bangsa Rohingya beragama Islam di Myanmar tidak kurangnya dizalimi, tidak mendapat tempat di negara sendiri malah terus merempat mencari perlindungan. Malah di beberapa buah negara yang lain, Islam dan umatnya tidak dilayan secara adil dan saksama. Tidak sedikit pengorbanan yang ditagih bagi memastikan perjuangan suci ini terus terlaksana bak ungkapan "menang atau syahid".

Semoga roh Zulhijah dan semangat pengorbanan ini akan terus menjalar dalam urat nadi umat Islam di Malaysia, malah di seluruh dunia dalam memastikan Islam terus dimartabatkan sebagai agama misali yang menjunjung dasar keadilan, keamanan, kesaksamaan dan kasih sayang sejagat. ☺